

TEKS UCAPAN
NAIB CANSELOR UniMAP
BRIG JENERAL DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN,
SEMPENA MAJLIS SEKALUNG BUDI PADA 23 OGOS 2013
DI PWTC KUALA LUMPUR.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
1Malaysia.

Salutasi

Yang Berbahagia **Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai bin Mohamed**, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti,

Yang Berbahagia **Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia **Prof Madya Dr Fo'ad Sakdan**, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP,

Wakil-wakil Industri, wakil-wakil media,

Dan seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

Kata Aluan

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah SWT diatas rahmat dan kasih sayangNya mengizinkan kita untuk sama-sama berada di **Majlis Malam Sekalung Budi** anjuran Universiti Malaysia Perlis atau lebih dikenali sebagai UniMAP.
2. Majlis ini bertujuan meraikan mantan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU UniMAP) yang banyak memberikan sumbangan idea dan sokongan yang padu dalam memastikan pembangunan dan kecemerlangan universiti sejak penubuhannya pada tahun 2002. Majlis ini juga adalah bersempena dengan sambutan Aidilfitri 1434 Hijrah.
3. Meskipun hari ini sudah melewati 16 Syawal, namun saya percaya kemeriahinan sambutan Aidilfitri ini masih terasa bahangnya apabila masih ramai pihak yang mengambil keberkatan bulan mulia ini untuk sama-sama meraikan tetamu dan rakan taulan. Semoga dengan kehadiran semua tetamu pada malam ini akan melimpahkan rezeki yang berganda-ganda buat kami di UniMAP dan pada masa sama mengeratkan lagi ukhuwah yang sekian lama terjalin.

4. Dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam merealisasikan majlis pada hari ini. Semoga usaha dan kerjasama yang diberikan oleh semua jawatankuasa akan mendapat ganjaran sewajarnya dari Allah SWT.

His Excellencies, Ladies and Gentlemen,

5. I am honoured to have your presence here tonight in the celebration the Eid- Mubarak. A warm “Selamat Datang” I bid to all of you. And I hope it’s not too late to wish you **Selamat Hari Raya and Maaf Zahir Batin**. The celebration of Eid-Mubarak has united Malaysian of all ethnic background, relatives, friends and neighbours to sit together to share good food, refreshment and stories in an atmosphere of friendship and merriment.
6. Such practice is not only taking place during the Hari Raya but also during the Lunar New Year, Deepavali and Christmas. It is an expression of hospitality reflecting the harmonious multiethnic in Malaysia. I cannot see this happening anywhere in the world, but in Malaysia for now, it is a culture that is going strong. I hope it remains that way **because a country that eats together pretty much stays together**.

7. This is one tradition that is **not only hard to beat but even harder to let go.** This year may Eid also be a time in which we recognize the values of progress, pluralism and acceptance that bind us together as a global community. I wish to call upon our guest to keep working together with UniMAP. May the mutual understanding that we have fostered flourish to bring a brighter future to all.

Malam Sekalung Budi

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Majlis pada malam ini amat bermakna sekali dan UniMAP amat bertuah kerana bukan sahaja dapat meraikan majlis Aidilfitri malah berjaya membawa kembali nostalgia sejak penubuhannya pada tahun 2002. Bersama-sama kita pada malam ini adalah insan-insan hebat yang sama-sama berusaha dan tidak jemu memberikan sokongan dalam membantu membangunkan UniMAP sehingga ke tahap dikenali dunia hari ini. Mereka adalah mantan Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti UniMAP. Sebagai Naib Canselor saya amat berbesar hati meraikan kehadiran mereka pada malam ini dan sekalung penghargaan buat insan-insan hebat ini. Tanpa idea bernas dan sokongan yang mapan dari mereka, siapalah UniMAP.

9. Sejak dari awal penubuhan sehingga kini UniMAP telah dipimpin oleh empat Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti. sekalung penghargaan buat keempat-empat tokoh ini. Mereka adalah ;

- i. **Yang Bhg. Dato' Ramli bin Abbas**, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sejak (15 Disember 2002 – 14 Disember 2005)
- ii. **Yang Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim**
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sejak (15 Disember 2005 – 30 Jun 2008)
Sebelum itu beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Universiti UniMAP sejak (15 Januari 2003 – 14 Disember 2005)
- iii. **Yang Bhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj. Zainul Ariff bin Hj. Hussain**, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sejak (1 Julai 2008 – 30 Jun 2012)
- iv. Dan kini UniMAP diterajui oleh **Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai bin Mohamed** yang dilantik mulai 1 Julai 2012 lalu

10. Terima kasih tidak terhingga diucapkan di atas sokongan yang berterusan dalam usaha memajukan universiti ini berlandaskan visi dan misi yang telah digariskan. Keprihatinan dan sokongan berterusan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti terhadap kepimpinan universiti amatlah penting dalam memastikan UniMAP sentiasa berada dilandasan yang tepat dalam mencorak kejayaan demi kejayaan.

KEJAYAAN UniMAP

11. UniMAP kini telah memasuki tahun ke 11 penubuhannya dan Alhamdulillah, seiring usia tersebut, pelbagai kejayaan dan pencapaian telah diraih samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Baru-baru ini UniMAP berjaya melonjak ke kedudukan **242 universiti terbaik di Asia** berbanding di tangga ke **418** pada tahun 2012. Keputusan itu berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh **QS Ranking Asia 2013**. Kedudukan tersebut sekaligus menjadikan UniMAP sebagai universiti ke-10 terbaik dalam senarai Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia.

12. Pada Jun lalu, UniMAP telah diberikan **Anugerah Emas bagi Kualiti dan Prestij Perniagaan** daripada Otherways Association, Management and Consultant di Rome Italy. Kejayaan yang diraih ini merupakan bukti nyata kewujudan UniMAP telah memberikan impak positif terhadap sektor pengajian tinggi negara.

Hadirin sekalian,

13. Dalam bidang akademik pula, UniMAP telah berusaha menawarkan kurikulum akademik yang terbaik dan atas dasar itulah seluruh warga UniMAP amat berbangga apabila **Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA)** menarafkan UniMAP sebagai universiti **Tier 5**. UniMAP mula diberikan penarafan tier 3 pada tahun 2007, tier 4 tahun 2009, kini, UniMAP diiktiraf sebagai Universiti Tier 5 atau Universiti Cemerlang.

14. Meskipun penilaian *Malaysian Research Assessment* (MyRA) meletakkan UniMAP di tangga Tier 3 dari Tier 4 berdasarkan data 2010, namun hati yang kecewa terubat juga dengan berita penarafan Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (D-SETARA) yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini. Di bawah **D-SETARA (Disiplin Kejuruteraan)** UniMAP diiktiraf sebagai Universiti **Tier 5** atau **Universiti Cemerlang sekali lagi**.

15. Sementara itu dari aspek Kualiti UniMAP dianugerahkan **Sistem Pengurusan Kualiti ISO:9001:2008** bagi skop Pemberian Perkhidmatan Ijazah Tinggi Program Izajah Sarjana Muda (Kepujian) yang ditawarkan.

16. Tidak ketinggalan, Sistem EQ Doc yang dibangunkan UniMAP menerusi Pejabat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK) turut menerima pengiktirafan yang sama. Untuk makluman tetamu yang hadir UniMAP juga menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di utara yang mendapat **sijil pengiktirafan Siri Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSAS) 18001:2007**. Selain OHSAS 18001:2007, UniMAP turut menerima sijil pengiktirafan MS 1722:2005 manakala **Pusat ICT UniMAP** pula diberikan **pengiktirafan ‘MS ISO/IEC 27001:2007’** bagi **Information Security Management System**.

Hadirin sekalian,

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam yang indah ini izinkan saya berkongsi sedikit kejayaan yang diraih oleh UniMAP dari aspek penyelidikan. Alhamdulillah, UniMAP juga diiktiraf dunia dalam bidang penyelidikan. Ini dibuktikan apabila lebih **716 pingat** telah dirangkul dari serata dunia, termasuk, yang terkini, sejumlah **27 pingat** emas, perak dan gangsa daripada pertandingan **Malaysia Technology Expo** (MTE) 2013, sekaligus UniMAP meraih kejayaan 100% di MTE.

18. Dan kegemilangan penyelidikan UniMAP diteruskan lagi dengan jalinan kolaborasi bersama pelajar-pelajar sekolah, yang mana saya percaya melalui cara ini iaanya dapat menyuburkan budaya sains dan inovasi di kalangan pelajar sekolah.
19. Tambahan lagi, dana penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang yang diterima sejak 2004 ialah sekitar **RM60 juta**, termasuk daripada beberapa sumber luar negara. UniMAP menjangkakan, amaun dana ini akan meningkat dengan hubungan-hubungan baru dalam bidang akademik dan penyelidikan yang terus-menerus diterokai.
20. Sebagai Naib Canselor saya percaya kejayaan yang diperoleh UniMAP kini adalah hasil kerjasama erat dan sokongan yang padu dari seluruh warga Kementerian Pendidikan Malaysia, warga Lembaga Pengarah Universiti, Pihak industri, rakan-rakan media, seluruh warga kerja UniMAP serta semua pihak.
21. Saya dengan rendah diri mengucapkan jutaan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama ini. Semoga segala usaha yang kita lakukan ini mendapat keredhaanNya. Insyaallah.

Penganjuran Program Peringkat Antarabangsa

22. Untuk makluman semua hadirin, pada Oktober ini satu lagi sejarah akan tercipta apabila buat julung kalinya UniMAP akan menjadi tuan rumah penganjuran **Asian University Presidents Forum (AUPF) 2013** yang dijangka menghimpunkan **lebih 100 pemimpin tertinggi universiti di Asia.**
23. Selain itu, pada Jun 2014, UniMAP juga bakal menjadi tuan rumah penganjuran **The 4th International Malaysia – Ireland Joint Symposium on Engineering, Science & Business (IMiEJS 2014)**. Penganjuran symposium ini adalah bergilir hasil kerjasama UniMAP dengan Athlone Institute of Technology (AIT), Ireland.
24. Pada 2014 juga UniMAP akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran kali ketiga **Asia Summer Program (ASP) 2014**. Sebanyak lima buah Negara iaitu Korea, Jepun, Thailand dan Indonesia termasuk Malaysia menyertai Asia Summer Program ini. Program ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai potensi yang dimiliki oleh negara-negara Asia selain membuka ruang bagi komunikasi silang budaya. Dijangkakan lebih 27 universiti ASEAN akan menyertainya.

Penutup

Hadirin sekalian,

25. Saya berharap hubungan yang sedia terjalin sesama kita ini akan terus berkekalan dengan pelbagai cetusan idea mampu dilaksanakan kearah pembangunan Negara yang realistik sekaligus mengharumkan nama Malaysia yang kita cintai ini.
26. Dikesempatan ini juga saya ingin mengajak semua pihak untuk kita sama-sama mendoakan kesejahteraan penduduk di Mesir yang sedang dilanda perang. Semoga keadilan akan mengakhiri segalanya dan keamanan akan dicapai dalam masa terdekat ini. Dalam kita meraikan kemerahan Aidilfitri bersama insan tersayang jangan pula kita lupakan pada mereka yang bertarung nyawa dan terpaksa meratap kematian orang tersayang. Sama-sama kita menghulurkan bantuan demi meringankan beban yang ditanggung mereka.
PEACE FOR EGYPT.
27. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi penghargaan dan terima kasih kepada semua mantan Pengerusi dan Ahli-ahli LPU UniMAP di atas kesudian melapangkan waktu untuk sama-sama berada bersama kita semua di majlis **Malam Sekalung Budi** pada malam ini.

28. Saya juga ingin menyusun sepuluh jari memohon maaf andai terdapat kekurangan atau kekhilafan pada majlis malam ini. Akhir kata **Selamat Hari Raya Maaf Zahir Batin.**

**UniMAP Medan, Menabur Bakti,
Terus Mencorak, Menggapai Kejayaan,
Jasa Tuan, Terpahat Dihati,
Budi Yang Baik, Kekal Diingatan.**

**Aidilfitri Disambut, Penuh Keriangan,
Berkumpul Bersama, Eratkan Hubungan,
Terima Kasih, Atas Segala Sokongan,
Semoga Terus, Membina Kecemerlangan.**

Sekian, **Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Terima Kasih